



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1980

Tuan,

KELULUSAN PRINSIPAL DALAM BAHASA MALAYSIA DI PERINGKAT PEPERIKSAAN STP / HSC MEMENUHI SYARAT KELULUSAN BAHASA MALAYSIA BAGI MEMASUKI PERKHIDMATAN KERAJAAN

Sebagaimana tuan sedia maklum semua skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan A, B dan C adalah mensyaratkan sama ada kepujian dalam Bahasa Malaysia serta lulus Ujian Lisan di peringkat SPM ataupun lulus dalam Bahasa Malaysia serta lulus Ujian Lisan di peringkat peperiksaan tersebut sebagai salah satu syarat kelayakan masuk.

2. Adalah diputuskan bahawa mulai daripada tarikh keluarnya Surat Pekeliling ini, kelulusan Prinsipal dalam Bahasa Malaysia di peringkat STP / HSC boleh dianggap memenuhi syarat Bahasa Malaysia yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan Kumpulan A, B dan C tersebut di atas bagi memasuki perkhidmatan Kerajaan.

3. Bagi mereka yang telah memperolehi kelulusan Prinsipal dalam Bahasa Malaysia peringkat STP / HSC dan telah memohon kepada Jabatan ini kelonggaran syarat Bahasa Malaysia (lulus atau kepujian) serta lulus Ujian Lisan peringkat SPM yang dikenakan dalam perlantikan tetapi telah ditolak atau belum mendapat kelulusan rasmi, mulai daripada tarikh keluarnya Surat Pekeliling ini bolehlah mereka dianggap sebagai telah memenuhi syarat Bahasa Malaysia yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan masing-masing. Dengan kata lain, mereka ini tidak perlu lagi membuat rayuan semula kepada Jabatan ini untuk mendapat kelonggaran syarat Bahasa Malaysia sebagaimana yang ditetapkan itu.

4. Dalam hubungan ini juga, ingin dimaklumkan bahawa dalam keadaan khas di mana sesuatu jawatan itu perlu dipenuhi secara segera sedangkan calon-calon yang telah memohon tidak mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia yang ditetapkan di dalam skim-skim perkhidmatan bagi jawatan berkenaan, tetapi calon-calon tersebut memiliki kelayakan yang disahkan sesuai dan berkaitan dengan jawatan kosong itu, maka Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan atau Pihak Berkuasa melantik bolehlah memohon kelonggaran syarat Bahasa Malaysia kepada Jabatan ini untuk membolehkan calon-calon itu dipertimbangkan bagi lantikan. Untuk memudah dan mempercepatkan pertimbangan terhadap permohonan-permohonan tersebut, perlulah dikemukakan sebab dan alasan yang penuh serta disokong oleh butir-butir dan dokumen-dokumen yang lengkap dan kemaskini yang boleh menyokong mengapa jawatan yang kosong itu perlu diisi oleh calon yang diperakukan itu. Permohonan-permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas itu tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menurut perintah,

28hb Jun, 1980

(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)
*Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
s.k.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,
Jalan Spooner,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Polis Di Raja Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi,
Tingkat 11, Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan,
Cawangan Sabah,
Tingkat 1, Bangunan Natikar,
Jalan Padang,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan,
Cawangan Sarawak,
Tingkat 4, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tengku Haji Bujang,
Simpang 3,
Kuching,
Sarawak.